

# Pendapatan penyelidikan dikecualikan cukai 50%

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Pendapatan yang diperoleh melalui aktiviti penyelidikan akan diberi pengecualian cukai sebanyak 50 peratus untuk tempoh lima tahun.

Selain itu, caj tidak akan dikenakan ke atas penyelidik tempatan yang mendaftarkan paten mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah ini bertujuan untuk menggalakkan pengkomersialan hasil penyelidikan.

“Kerajaan melalui Sirim akan mengenal pasti pembangunan dan penyelidikan (P&P) yang diperlukan beras-

askan kepada permintaan pasaran dan dipadankan dengan kapasiti P&P di universiti serta institusi penyelidikan,” katanya.

Tambah beliau, peruntukan yang mencukupi adalah perlu kerana ia merupakan satu pelaburan jangka panjang dalam usaha membangunkan teknologi tempatan untuk mengeluarkan produk berkualiti tinggi jenama Malaysia.

“Dasar Sains dan Teknologi Negara yang kedua akan digubal untuk mencapai perbelanjaan P&P sekurang-kurangnya 1.5 peratus daripada keluaran Dalam Negara

Kasar (KDNK) menjelang 2010,” kata Dr. Mahathir.

Kerajaan juga, tambahnya, memperuntukkan jumlah yang besar untuk menyediakan kepakaran tenaga manusia dan kemudahan P&P.

“Bagi meneruskan usaha ini, sejumlah RM183.6 juta disediakan untuk program P&P termasuk RM84.5 juta untuk program Intensification of Research in Priority Areas (IRPA) yang dikhususkan bagi institusi penyelidikan awam dengan kerjasama swasta,” tambah Dr. Mahathir.